

KEMPEN TAMBAH NILAI PRABAYAR HLB 2021

Kali terakhir dikemaskinikan pada 28 Jun 2021

Tempoh Kempen

“**Kempen Tambah Nilai Prabayar HLB Connect 2021**” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (“secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 1 Julai 2021 dan berakhir pada 31 Ogos 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“**T&S**”):

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka untuk para pelanggan berikut (“**Pelanggan**”) yang:
 - (i) memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB atau Akaun Semasa atau Simpanan HLISB (“**CASA/CASA-i**”) dan tidak berdaftar sama ada dengan Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan Aplikasi Connect semasa Tempoh Kempen; dan
 - (ii) merupakan pengguna Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau Aplikasi Connect HLB dengan CASA/CASA-i;
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
 - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan/atau
 - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i yang mentadbir pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.
3. Pekerja tetap dan pekerja kontrak Bank tidak layak menyertai Kempen ini.
4. Pelanggan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan mengikut Klausa 1 di atas boleh menyertai Kempen ini dan berpeluang memenangi sebuah iPad 8th Generation (“**Hadiah Utama Mingguan**”) sepanjang Tempoh Kempen dan/atau Lima Puluh Ringgit (RM50) setiap orang (“**Pulangan tunai**”) sepanjang 1 Julai 2021 – 14 Julai 2021, sempena Kempen Istimewa Hari Digital Bank.

Tatacara Kempen

5. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan perlu:
 - (i) Mendaftar dan/atau log masuk Perbankan Dalam Talian Connect dan/atau Aplikasi HLB Connect (“**HLB Connect**”); dan
 - (ii) Melaksanakan Tambah Nilai Prabayar (“**Transaksi**”) dengan jumlah minimum sebanyak Sepuluh Ringgit (RM10) melalui HLB Connect sepanjang Tempoh Kempen.

(selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”)
6. Jumlah peruntukan Hadiah Utama Mingguan bagi Kempen ini terhad kepada lapan (8) unit iPad 8th Generation. Hadiah Utama Mingguan akan diberikan kepada seramai lapan (8) orang Pelanggan yang Layak yang telah melaksanakan syarat-syarat mengikut Klausa 5 di atas (“**Pemenang Hadiah Utama Mingguan**”) menurut kaedah pemilihan pemenang yang dinyatakan pada Klausa 9 dan 10 di bawah.
7. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen Istimewa Hari Digital Bank terhad kepada Tujuh Belas Ribu Lima Ratus Ringgit (RM17,500). Pulangan Tunai akan diberikan kepada

seramai Tiga Ratus Lima Puluh (350) orang Pelanggan yang Layak (“**Pemenang Pulangan Tunai**”) mengikut kaedah pemilihan pemenang yang dinyatakan pada Klausa 11 di bawah.

8. Setiap Pemenang Hadiah Utama Mingguan dan Pemenang Pulangan Tunai layak menerima hanya Satu (1) Hadiah Utama Mingguan dan/atau Satu (1) Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Kempen. Hadiah Utama Mingguan dan Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai (bagi Hadiah Utama Mingguan), kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

Pemilihan Pemenang Hadiah Utama Mingguan

9. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Bank akan memilih Pemenang Hadiah Utama Mingguan berdasarkan kriteria yang dinyatakan pada Jadual 1 di bawah sepanjang Tempoh Kempen.

Jadual 1 - 8x iPad 8th Generation

Minggu	Tempoh	Bil. Pemenang Hadiah Utama Mingguan
Minggu 1	1 Julai 2021 – 8 Julai 2021	Satu (1)
Minggu 2	9 Julai 2021 – 16 Julai 2021	Satu (1)
Minggu 3	17 Julai 2021 – 24 Julai 2021	Satu (1)
Minggu 4	25 Julai 2021 – 31 Julai 2021	Satu (1)
Minggu 5	1 Ogos 2021 – 8 Ogos 2021	Satu (1)
Minggu 6	9 Ogos 2021 – 16 Ogos 2021	Satu (1)
Minggu 7	17 Ogos 2021 – 24 Ogos 2021	Satu (1)
Minggu 8	24 Ogos 2021 – 31 Ogos 2021	Satu (1)

Pelanggan yang Layak yang melaksanakan jumlah Transaksi terkumpul yang tertinggi bagi minggu akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama Mingguan bagi minggu tersebut.

10. Sekiranya berlaku di mana dua (2) orang Pelanggan yang Layak atau lebih yang mengumpulkan jumlah Transaksi terkumpul tertinggi yang sama bagi minggu tersebut, Pelanggan yang Layak yang pertama mengumpulkan jumlah Transaksi terkumpul tertinggi yang dilaksanakan akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama Mingguan.

Pemilihan Pemenang Pulangan Tunai

11. Pulangan Tunai akan diberikan kepada Pemenang Pulangan Tunai berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Jadual 2 di bawah mulai 1 Julai 2021 – 14 Julai 2021.

Jadual 2 - Kempen Istimewa Hari Digital (350 orang Pemenang Pulangan Tunai x Pulangan Tunai RM50)

Tempoh	Pemilihan Pemenang Pulangan Tunai	Bil. Pemenang Pulangan Tunai
01 Julai 2021 – 14 Julai 2021	Setiap Pelanggan Layak yang ke-300 dengan Transaksi yang berjaya dilaksanakan bagi hari akan dipilih untuk memenangi Pulangan Tunai.	Terhad kepada 25 Pemenang Pulangan Tunai setiap hari

Hadiah Utama Mingguan dan Pelaksanaan Pulangan Tunai

12. Para Pemenang Hadiah Utama Mingguan akan diberitahu melalui SMS dan/atau e-mel (berdasarkan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dalam rekod Bank) pada 15 Oktober 2021.
13. Hadiah Utama Mingguan akan dihantar ke cawangan Bank yang terdekat dengan alamat Pemenang Hadiah Utama Mingguan sebelum 30 November 2021 untuk diambil oleh Pemenang Hadiah Utama Mingguan menggunakan kos dan perbelanjaan mereka sendiri sebelum 28 Februari 2022. Pemenang Hadiah Utama Mingguan perlu mengambil Hadiah Utama Mingguan sebelum 28 Februari 2022. Sekiranya gagal Hadiah Utama Mingguan akan dibatalkan dan rayuan lanjut tidak akan diterima oleh Bank.
14. Para Pemenang Pulangan Tunai akan diberitahu melalui SMS dan/atau e-mel (berdasarkan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel dalam rekod Bank) apabila Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i mereka dengan Bank pada 30 November 2021.
15. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif sehingga 30 November 2021. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.
16. Menjadi kewajipan Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank sebelum 31 Disember 2021 jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan diproses.
17. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan tentang kualiti atau kesesuaian Hadiah Utama Mingguan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah Utama Mingguan dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah Utama Mingguan yang hilang, dicuri atau rosak). Para Pemenang Hadiah Utama Mingguan hendaklah berurusan secara terus dengan peniaga bagi apa-apa pertanyaan, pertikaian atau tuntutan berkaitan Hadiah Utama Mingguan tanpa mendapatkan bantuan dari Bank.
18. Hadiah Utama Mingguan dan Pulangan Tunai yang ditunjukkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang ditampilkan dengan Hadiah Utama Mingguan dan Pulangan Tunai dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah Utama Mingguan dan Pulangan Tunai.

Am

19. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju:
 - (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan terikat dengan T&S yang terkandung;
 - (ii) bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi HLB/HLISB. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web HLB (www.hlb.com.my) dan laman web HLISB (www.hlisb.com.my);
 - (iii) bahawa semua rekod tentang pelaksanaan syarat di bawah Klausula 4 dan Klausula 5 yang disebutkan di atas dan dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen adalah tepat dan pemilihan Pemenang Hadiah Utama Mingguan dan Pemenang Pulangan Tunai adalah tepat dan muktamad;
 - (iv) bahawa keputusan Bank dalam semua hal berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikai dan terikat bagi semua Pelanggan dan surat menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan diproses;
 - (v) untuk memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan nombor mudah alih mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482772-D)), vendor yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS bagi Kempen ini;

- (vi) bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku perubahan;
- (vii) mengakses laman web Kempen di www.hlb.com.my/winipad ("**Laman Web Kempen**") pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini bagi memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini tentang T&S; dan
- (viii) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.

20. Bank berhak:

- (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen dan/atau halaman Media Sosial rasmi HLB; dan
- (ii) untuk membatalkan Hadiah Utama Mingguan dan Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi T&S yang terkandung, Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan undang-undang/peraturan lain yang terpakai.

21. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang terkandung, Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat Am Akaun, T&S yang terkandung di sini akan diutamakan bagi meliputi percanggahan tersebut.

22. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Kempen akan digunakan.

23. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

24. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.